

BAHASA MELAYU DI PERSIMPANGAN: ANTARA JATI DIRI DENGAN REMPUHAN GLOBALISASI
(THE MALAY LANGUAGE AT CROSSROADS: BETWEEN IDENTITY AND THE ONSLAUGHT OF GLOBALISATION)

ABDULLAH HASSAN
Universiti Pendidikan Sultan Idris
prof.abdullah@fb.upsi.edu.my

Abstrak. Makalah ini membincangkan tentang kaitan antara bahasa, khususnya bahasa Melayu dengan jati diri individu dan bangsa, khususnya Melayu di Malaysia. Definisi jati diri individu dan bangsa dikupas menggunakan kamus falsafah dan rujukan silang kepada beberapa definisi daripada ahli sosiologi, sejarah dan sains politik. Berdasarkan kupasan tersebut dirumuskan bahawa terdapat lima ciri yang membentuk jati diri bangsa, yakni leluhur, bahasa, kebudayaan, agama dan tempat tinggal yang sama. Namun begitu, di sebalik ciri yang membentuk jati diri terdapat juga mekanisme yang merangsang perubahannya. Makalah ini selanjutnya membincangkan beberapa hipotesis yang menjana perubahan jati diri sesebuah bangsa. Hipotesis yang dimaksudkan dikaitkan dengan bahasa dan sehubungan dengan hal ini makalah ini menyimpulkan bahawa perubahan jati diri individu atau bangsa berlaku apabila terdapat perubahan bahasa yang digunakan.

Kata kunci dan frasa: bahasa Melayu, jati diri, globalisasi, perubahan

Abstract. This article discusses the relationship between the Malay language and the identity of the individual and the race, particularly in relation to the Malays in Malaysia. The identity of an individual and a race is defined from a philosophical perspective and cross-referenced with definitions by sociologists, historians and social scientists. Based on this, it is concluded that there are five elements that shape the identity of a race, that is, the same ancestry, language, culture, religion, and locale. Whilst there are elemental structures that undergird an identity, there are factors that can cause an identity to change. This is discussed in light of a few hypotheses that the present article argues can generate change in the identity of a race. The article concludes that the change in the identity of an individual or a race happens when there is change in the language that is used.

Keywords and phrases: Malay language, identity, globalisation, change

PENGENALAN

Dalam membicarakan tajuk seperti ini, kita tidak dapat lari daripada menjawab beberapa soalan awal. Pertama, apakah definisi bahasa Melayu? Kedua, siapakah yang menuturkan bahasa Melayu? Ketiga, apakah kaitan bahasa Melayu dengan jati diri bangsa orang¹ yang menuturkannya? Keempat, apakah mekanisme yang mengaitkan bahasa dengan proses pembentukan dan perubahan jati diri orang Melayu? Kelima, bagaimanakah jati diri sesebuah bangsa terbentuk? Keenam, bagaimanakah jati diri bangsa boleh berubah?

Soalan pertama dan kedua terlalu ketara dan tidak memerlukan jawapan. Dalam menjawab persoalan ketiga pula, perbincangan ini tidak membicarakan secara terperinci apa-apa yang dimaksudkan dengan istilah bangsa. Dalam bidang sains politik, psikologi peribadi dan falsafah, isu ini memang penting. Namun begitu, dalam perbahasan sebegini, definisi yang digunakan ialah yang paling umum yang menyatakan bahawa bangsa Melayu ialah orang Melayu yang tinggal di Malaysia. Lagipun inilah masyarakat sasaran yang dimaksudkan dalam perbincangan ini. Mereka bermastautin di Malaysia dan tertakluk serta patuh kepada sebarang dasar dan pelaksanaan dasar tertentu di negara ini. Pandangan ini diambil kerana orang Melayu di negara yang berlainan tidak mengalami peristiwa sejarah dan sosial yang sama. Oleh sebab itu, perbincangan ini tidak membuat pengitlakan umum yang mencakupi semua orang Melayu di luar sempadan politik Malaysia. Namun begitu, perihal orang Melayu di luar Malaysia juga disentuh dan dirujuk bagi memperjelaskan beberapa perkara yang berlainan tetapi berkaitan dengan perbincangan ini.

Melalui pengenalan yang luas begini, perbincangan ini akan melihat apa-apa isu yang merempuh jati diri manusia yang dinamakan Melayu. Dan ini akan dilakukan secara linear, iaitu jati diri individu dan cara jati diri ini membentuk bangsa; apakah ciri-ciri yang terkandung dalam definisi jati diri menurut ahli falsafah, sejarah dan sains sosial?; isu jati diri Melayu secara umum; isu jati diri Melayu dalam konteks pengliberalan dasar di bawah pengaruh globalisasi; dan kesimpulan.

DEFINISI JATI DIRI INDIVIDU DAN BANGSA

Dalam menentukan definisi jati diri individu dan bangsa, kita boleh merujuk dan menggunakan beberapa hipotesis dan teori para sarjana dan falsafah silam dan semasa yang diterima umum. Melalui hipotesis dan teori, barulah kita dapat menjelaskan peristiwa yang pernah berlaku, memahami peristiwa yang sedang berlaku dan meramalkan peristiwa yang akan berlaku. Inilah inti pati yang diimbau oleh tajuk perbincangan ini.

Jati diri bangsa tidak dapat dipisahkan daripada jati diri individu. Oleh sebab itu, kedua-duanya dibicarakan serentak. Kita melihat lakuan individu bagi menentukan jati dirinya, dan jati diri individu kemudian membentuk jati diri masyarakatnya. Dengan melihat jati diri individu, kita dapat memahami jati diri masyarakat dan dengan melihat jati diri masyarakat, kita dapat memahami jati diri individu.

Untuk memerihalkan tentang jati diri, dua sumber dimanfaatkan. Sumber pertama ialah beberapa kamus falsafah dan definisi yang diutarakan oleh ahli falsafah. Sumber kedua pula ialah rujukan silang yang melihat kepada beberapa definisi ahli sosiologi, sejarah dan sains politik. Ada banyak polemik yang berlaku, namun begitu, definisi yang paling umum akan diguna pakai untuk membincangkan judul ini.

Lazimnya dalam menghuraikan ciri-ciri yang membentuk jati diri sesebuah bangsa, ahli falsafah melihat kepada jati diri individu. Kita dapat menggunakan definisi daripada beberapa orang ahli falsafah Eropah yang membicarakan tentang perkara ini. Joseph Butler (1692–1752), seorang ahli falsafah Inggeris, menghasilkan idea tentang prinsip pengindividuan. Prinsip ini menyatakan bahawa sesuatu benda itu yang dimaksudkan dan bukan benda lain.

Konsep ini dapat digunakan bersama dengan sebuah konsep lain yang dijana oleh seorang ahli falsafah dan matematik terkenal Jerman, iaitu Gotfried Leibniz (1646–1716). Banyak pemikiran beliau yang boleh dirujuk, khususnya pemikirannya tentang cara untuk memodenkan bangsa Jerman melalui bahasa Jerman. Beliau memperkenalkan konsep jati diri yang dapat dicam. Baginya, sekiranya A dan B mempunyai ciri-ciri yang sama, maka kedua-duanya datang daripada satu jati diri yang sama.

Seterusnya, terdapat sebuah konsep lain yang relevan dengan perbincangan ini, iaitu konsep yang diutarakan oleh seorang ahli falsafah moden Inggeris, John Locke (1632–1704). Konsep yang dibincangkan oleh ahli falsafah ini ialah idea kesedaran atau memori dan proses pengawataksaan memori. Locke ialah ahli falsafah pertama yang mendefinisikan 'diri' melalui konsep kesinambungan memori individu dan bangsa.

Persoalannya, apakah yang dikatakan jati diri individu apabila individu sendiri mengalami perubahan melalui satu jangka waktu? Bagi memulakan hujahan, kita dapat mengandaikan bahawa diri kita memang berubah atau menjadi berlainan dari semasa ke semasa dalam perjalanan hidup kita. Sekiranya demikian, apakah yang membolehkan kita mempertahankan jati diri walaupun kita melalui perubahan? Tidakkah jati diri kita berubah? Bagaimana pula jati diri kita masih kekal sama pada akhir suatu pengembaraan yang penuh dengan perubahan?

Perkara itulah yang diperkatakan oleh John Locke apabila beliau menjana idea bahawa kesamaan seseorang mungkin terkandung dalam kesamaan dalam inti pati mindanya. Kesamaan dalam memori ini terkandung dalam kebolehan kita mendefinisikan diri kita melalui kesatuan memori tadi. Beliau secara khusus merujuk kepada wujudnya memori silam dan fungsi kesinambungan memori itu dalam perubahan jati diri, yang pada akhirnya masih bertahan. Adakah esen (pati) jati diri kita kekal?

Memang idea ini bertentangan dengan idea Descartes, malah dikritik oleh David Hume (1711–1766), namun begitu, idea ini dapat menjelaskan proses dan mekanisme yang akan digunakan bagi membincangkan peristiwa sosial yang berlaku dan meninggalkan kesan pada jati diri bangsa Melayu.

Sewaktu menghadapi perubahan, ternyata ada ciri-ciri jati diri yang dikatakan tidak berubah. Hal ini berlaku kerana ciri-ciri ini ialah pati kepada jati diri sesebuah bangsa dan ciri-ciri yang menjadi esen ini dikatakan tidak berubah. Sebagai contoh, disebabkan keturunan Portugis di Melaka menuturkan bahasa Kristang (Kristian), maka mereka dianggap sebagai Portugis. Demikian juga Cina Baba di Melaka, Pulau Pinang dan Singapura, mereka dianggap Cina Baba kerana mereka masih menuturkan bahasa Cina Baba. Sekarang, masyarakat Cina Baba semakin hilang oleh sebab mereka mengelompokkan diri dengan masyarakat Cina baru (Pakir 1994). Nyatalah bahawa bahasa ialah esen jati diri sesebuah masyarakat. Asmah dan Morris (2005b) melaporkan bahawa Teo Kok Seong menyimpulkan, oleh sebab Cina Baba ini tidak pernah masuk Islam (Melayu) maka jati diri mereka kekal sebagai Cina, sekalipun mereka sudah lama menetap dalam persekitaran Melayu.

Persoalannya, apabila berlaku perubahan terhadap dasar bahasa dan tabiat berbahasa bangsa Melayu, apakah yang akan berlaku terhadap jati diri bangsa Melayu?

CIRI-CIRI YANG MEMBENTUK JATI DIRI BANGSA

Sebelum kita melanjutkan perbincangan, kita juga perlu memberikan definisi bangsa.

Jati diri sesebuah bangsa merujuk kepada ciri-ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu. Ada banyak ciri yang digunakan dan setiap satu adalah asing dan berlainan. Contohnya, perbezaan kecil sebutan dalam bahasa yang dituturkan mungkin sudah cukup bagi memasukkan seseorang ke dalam kelompok bangsa yang berlainan. Umpamanya, kita dengan agak mudah

mengenali pertuturan bahasa Melayu orang Melayu Singapura. Sebaliknya, dua individu yang berbeza dari segi sahsiah, sistem kepercayaan, tempat tinggal, masa kewujudan dan bahasa yang dituturkan boleh dianggap termasuk dalam satu bangsa. Hal ini misalnya wujud dalam kalangan bangsa Indonesia.

Keperluan utama dalam mendefinisikan sesebuah bangsa ialah ciri yang sama yang dikongsi bersama. Ciri yang sama inilah yang menyebabkan wujudnya keseragaman atau kehomogenan. Sebahagian ciri ini hendaklah pula dapat membezakan bangsa berkenaan daripada bangsa-bangsa lain yang berjiran.

Mempunyai Leluhur yang Sama

Daripada istilah bangsa wujud pengertian bahawa orang yang membentuk bangsa yang sama mempunyai leluhur yang sama. Konsep ini jelas diperkatakan dalam gerakan kebangsaan Melayu. Mereka menyatakan bahawa orang yang berasal daripada leluhur yang sama mewarisi ciri leluhur yang sama. Ciri leluhur yang sama itulah yang menyebabkan mereka tergolong dalam satu bangsa yang sama. Dalam hal ini, kita boleh menyatakan bahawa orang Melayu sekarang berasal daripada generasi Melayu dahulu. Maksudnya, kita seolah-olah mengatakan bahawa mereka datang daripada leluhur bangsa yang sebelumnya.

Kita melihat kembali kepada kes bangsa Melayu. Ada kes bangsa lain, seperti bangsa Maori di New Zealand yang mengalami proses penenggelaman oleh bangsa lain yang baru datang. Hal ini bermula dengan kedatangan penjajah Inggeris. Sebelum itu, bangsa Maori berasal daripada leluhur yang sama. Pada masa ini penduduk New Zealand terdiri daripada 20 peratus Maori, tujuh peratus Asia, tujuh peratus Polinesia dan 66 peratus Eropah. Setelah berlaku perkahwinan campur, maka jati diri bangsa Maori turut berubah. Adakah generasi Maori yang akan datang masih mempunyai jati diri yang sama? Hal ini kerana apabila wujud banyak bangsa yang berlainan, maka konsep 'apa-apa yang bukan kita' menjadi semakin penting dalam menentukan jati diri sesuatu bangsa (Morris 2005, 7 dalam Asmah 2005a). Hal ini bermakna, apabila terdapat banyak kaum lain bermastautin dalam sesebuah negara, maka prinsip 'apa-apa yang bukan kita' akan lebih diutamakan dalam menentukan jati diri sesebuah bangsa. Di Malaysia jelas dilihat isu ini apabila Cina dan India tidak diterima sebagai Melayu. Mereka kekal sebagai Cina atau India, tidak menjadi Melayu kerana tidak menganuti agama Islam. Bagi orang Austronesia lain selain Melayu (umpamanya Iban) yang bukan Islam juga tidak digelar Melayu tetapi diberikan istilah bumiputera.

Menuturkan Bahasa yang Sama

Menuturkan sebuah bahasa yang sama ialah antara ciri yang menentukan jati diri sesebuah bangsa. Oleh hal yang demikian, dapatlah dikatakan bahawa bahasa

bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat, malah menjadi ciri yang mendefinisikan bangsa. Umpamanya, orang Melayu menuturkan bahasa Melayu. Namun begitu, hal yang berlaku pada masyarakat Cina Baba di Malaysia ialah suatu kes yang menarik. Sebagai satu kelompok masyarakat, mereka menuturkan bahasa Melayu Baba tetapi mereka tidak dianggap Melayu. Mereka dikenali sebagai Cina Baba. Kedatangan kaum Cina lain telah menyebabkan Cina Baba diserap kembali ke dalam masyarakat Cina yang baru dan menuturkan semula bahasa Cina. Hal ini menyebabkan jati diri Cina Baba mereka hilang (Pakir 1994). Hal yang sama juga berlaku di Switzerland. Rakyat Switzerland menuturkan empat bahasa yang berlainan, iaitu Perancis, Jerman, Itali dan Romans; namun semua mereka berbangsa Swiss. Oleh sebab itu, menuturkan satu bahasa yang sama, tidak semestinya muktamad menyatakan jati diri yang sama.

Mengamalkan Kebudayaan yang Sama

Kebanyakan bangsa di dunia mendefinisikan diri mereka sebagai sebuah bangsa apabila anggota masyarakatnya mengamalkan kebudayaan yang sama. Hal ini kerana kebudayaan ialah warisan bangsa. Masyarakat yang mewarisi kebudayaan yang sama boleh dianggap sebuah bangsa yang sama.

Dalam buku Bunce (1993) yang membincangkan tentang orang Melayu di Kepulauan Cocos, ternyata interpretasi mereka sebagai orang (bangsa) Melayu dibuat berasaskan hakikat mereka masih menuturkan bahasa Melayu, mengamalkan kebudayaan Melayu dan beragama Islam. Bunce juga sangat tertarik kepada budaya Melayu di Pulau Cocos dan beliau ada menulis sebuah makalah tentangnya. Walaupun selama lebih 180 tahun masyarakat ini terpisah daripada masyarakat induk Melayu, mereka masih mengekalkan bahasa, adat dan agama (Islam) leluhur mereka. Oleh sebab itu, mereka masih menganggap diri mereka Melayu. Asmah Haji Omar (2006) juga merakamkan bahawa orang Melayu di Kepulauan Cocos, Kepulauan Christmas, Australia Barat dan Australia Timur masih mengamalkan kebudayaan Melayu dan menuturkan bahasa Melayu sebagai jati diri mereka.

Kebudayaan sesebuah bangsa ialah ciri yang dikongsi dengan generasi silam. Ciri ini dianggap sebagai warisan bangsa. Ada kalanya, kaitan atau pautan dengan kebudayaan bangsa silam merupakan simbolik semata-mata. Umpamanya, warisan Stonehenge diambil sebagai warisan Inggeris, walaupun warisan ini wujud 5,000 tahun sebelum bangsa Inggeris muncul. Bagi orang Melayu pula, sejarah Melaka mungkin merupakan sebahagian simbol Melayu. Demikian juga Bukit Siguntang dan Iskandar Zulkarnain, walaupun hanya mitos, kedua-duanya dianggap simbol Melayu. Semuanya menjadi simbol jati diri bangsa Melayu dalam kebudayaan Melayu.

Berpegang kepada Agama yang Sama

Agama juga ialah sebuah ciri yang sering digunakan untuk mendefinisikan bangsa. Apabila agama dikongsi dengan penduduk lain, maka ciri ini dapat digunakan sebagai faktor untuk mendefinisikan bangsa. Walau bagaimanapun, ciri agama secara bersendirian tidak dapat menjadi ciri sesebuah bangsa. Hal ini kerana sesuatu agama dianuti oleh lebih daripada satu bangsa manusia. Umpamanya Islam dianuti oleh lebih daripada satu bangsa di dunia. Begitu juga agama-agama lain seperti Kristian, Hindu dan Buddha. Dengan perkataan lain, orang yang menganut agama yang sama belum pasti datang daripada bangsa yang sama.

Bermastautin di Daerah Geografi yang Sama

Pada masa dahulu ketika komunikasi tidak begitu lancar dan meluas, orang yang tinggal di satu daerah geografi dinamakan satu bangsa. Anggapan sebegini masih berlaku di daerah yang terpencil. Pada masa ini, sebuah bangsa mungkin tersebar ke serata dunia. Persebaran inilah yang menghasilkan masyarakat diaspora. Orang Cina yang tinggal di Chile akan menjadi warganegara Chile dan mungkin dari segi perlembagaan dapat menjadi rakyat Chile, tetapi ciri fizikal mereka masih Cina. Namun begitu, anggapan daerah geografi menentukan bangsa wujud dalam konsep tanah air, iaitu apabila Tanah Melayu pernah dianggap sebagai daerah geografi bangsa Melayu. Konsep ini pun sudah terhakis dengan perubahan politik.

Definisi Jati Diri (Orang) Melayu

Beberapa pendapat sarjana yang mendefinisikan jati diri Melayu dapat dirujuk dalam beberapa buah makalah dalam buku *Contesting Malayness* (2004) yang diedit oleh Timothy Barnard. Dalam buku itu, Barnard dan Maier mengatakan bahawa para sarjana dunia Melayu "terlibat memikirkan ciri dunia Melayu yang terus berubah bentuk. Setiap orang menimbulkan isu pokok tentang cara jati diri dan dunia Melayu dapat difahami, sama ada dari segi bahasanya, perniagaannya, penjahannya, melanunnya, kesusasteraannya atau negara bangsa modennya." (Barnard & Maier 2004, xi – terjemahan bebas pengarang). Namun begitu, dalam persepsi para sarjana ini tidak ada ciri agama, adat istiadat dan bahasa sebagaimana yang dibincangkan di atas. Padahal, dalam buku-buku yang membincangkan jati diri bangsa dan Perlembagaan Malaysia, unsur agama, adat istiadat dan bahasa merupakan aspek penting, iaitu yang dikatakan Melayu ialah orang yang beragama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan cara hidup Melayu.

Dalam sebuah makalah lain dalam buku yang sama, Shamsul Amri Baharuddin (2004, 135–148) menghuraikan jati diri Melayu dengan lebih lanjut. Menurut beliau, jati diri Melayu seperti yang diketahui sekarang adalah sebenarnya persepsi yang dibuat dan dipaksakan ke atas kita oleh para orientalis dan pentadbir penjajah Inggeris. Dalam aspek tersebut ada tiga ciri yang digunakan oleh Shamsul Amri bagi mendefinisikan bangsa Melayu. Bagi beliau, penjajah Inggeris bukan sahaja menguasai kita dari segi ketenteraan, politik, diplomatik dan ekonomi, malah mereka menyerang dan menyerapi budaya. Oleh hal yang demikian, mereka juga menakluki ruang epistemologi kita. Dalam ungkapan yang mudah, pemerintah Inggeris mencampuri sistem pemikiran orang Melayu, sehingga dapat melumpuhkan minda orang Melayu dengan meletakkan sempadan pada kemampuan kita untuk mendefinisikan diri dan dunia kita sendiri.

Beliau menyatakan lagi bahawa, dalam sejarah, ada tiga perkara penting yang dilakukan oleh penjajah, iaitu membuat kajian dan laporan terperinci tentang sistem pemerintahan dan adat istiadat tempatan, sejarah, pemilikan tanah, pawahan dan pungutan hasil; membuat deskripsi rinci tentang tamadun peribumi, yang kemudiannya memberi Inggeris kuasa dalam mentamadunkan wilayah yang dijajah mereka; dan mengenal pasti tokoh, pejuang dan pemberontak dan membina lambang keberadaan dan kekuasaan mereka di wilayah Melayu (Shamsul Amri 2004, 135–148 dalam Barnard & Maier 2004).

Tegasnya, dengan berbuat demikian mereka dapat mewajarkan tatacara mereka mentadbir jajahan yang ditakluki mereka. Apabila Inggeris datang ke Tanah Melayu, mereka mengkaji dan mengelaskan segala aspek kehidupan di dunia Melayu; dalam bidang zoologi, geologi, botani, ekonomi, sejarah dan sosiologi dengan menjalankan kajian yang sistematik. Mereka menyusun atur jadual jajahan supaya mereka dapat membuat ramalan dan penentuan dari segi ekonomi, sosial dan politik. Banci penduduk yang dikendalikan mereka merakamkan maklumat tentang ras, kaum, etnik, agama dan lain-lain bagi membolehkan mereka mengkategorikan orang Melayu dan peribumi lain untuk tujuan pentadbiran (Shamsul Amri 2004: 135–148, dalam Barnard & Maier 2004).

Akhirnya, antara langkah yang melakar jati diri Melayu ialah peristiwa penjajah Inggeris meluluskan Enakmen Rezab Melayu pada tahun 1913. Melalui Enakmen itu, Inggeris dapat menentukan: siapa orang Melayu?, siapa yang boleh menanam padi atau getah? dan harga tanah. Seterusnya, peristiwa inilah antara faktor yang menentukan definisi jati diri Melayu dalam Perlembagaan Malaysia, yang kemudiannya menentukan orang yang dianggap Melayu dan bumiputera, mereka yang berhak mendapat biasiswa, mereka yang berhak membeli tanah di kawasan rezab Melayu dengan nilai tertentu dan lain-lain.

MEKANISME PERUBAHAN JATI DIRI

Kita sudah membincangkan cara menentukan definisi jati diri Melayu. Namun begitu, bagaimanakah perubahan jati diri bangsa Melayu berlaku? Perkara yang jelas kepada kita ialah lakuan kita sendiri. Perubahan lakuan ialah peristiwa yang dapat dicam, dirakamkan dan dianalisis. Premis ini bermula dengan andaian bahawa lakuan berasaskan nilai pada jati diri pelakunya. Apabila berlaku perubahan pada lakuan pelaku seperti yang diperhatikan, maka besar kemungkinan nilai dalam jati dirinya juga sudah berubah. Walau bagaimanapun, bagaimanakah kita menghubungkaitkan dua peristiwa ini?

Pada masa ini kita sedang mempersoalkan adakah dengan perubahan dasar bahasa dalam pendidikan maka jati diri bangsa Melayu akan berubah? Bagaimanakah kita dapat menjelaskan fenomena ini?

Salah satu caranya adalah kita melihat apa-apa yang pernah ditulis oleh sarjana-sarjana lain yang berwibawa tentang hal ini. Kedua, kita merujuk kepada lakuan manusia Melayu yang memang dapat diperhatikan. Kemudian, kita cuba membuat analisis terhadap lakuan tersebut dan menentukan sama ada lakuan tersebut sebenarnya berasaskan nilai yang mendasari jati diri Melayu atau tidak. Andaiannya, apabila lakuan manusia Melayu berubah, maka ada kemungkinan perubahan berlaku disebabkan oleh perubahan pada nilai mereka sendiri, dan seterusnya perubahan pada nilai pula mengubah jati dirinya.

Kita dapat memerhatikan lakuan kita sendiri tetapi tentu tidak mudah bagi kita mengaitkannya dengan perubahan jati diri kita. Kita perlu mencari kaitan antara perubahan jati diri dan perubahan lakuan yang dapat diperhatikan. Selepas itu kita cuba memahami orang, melihat perkara yang dilakukannya. Selanjutnya, kita cuba memahami nilai yang mendasari peristiwa lakuan tersebut. Lakuan penutur sesuatu bahasa ialah cerminan kepada nilai yang dianutinya, dan nilai yang dianutinya merupakan sebahagian ciri jati dirinya.

Sekiranya lakuan kita berdasarkan amalan budaya kita, maka wajar jika kita mengandaikan bahawa apa-apa yang kita lakukan merupakan lakuan yang berdasarkan nilai yang menjadi pegangan kita. Nilai ialah pegangan masyarakat yang diungkapkan melalui bahasa. Apabila berlaku perubahan bahasa, maka akan berlakulah perubahan nilai bangsa. Perubahan ini kemudian menjana perubahan pada lakuan kita pula. Dengan perkataan lain, menerusi lakuan kita dapat melihat perubahan nilai seseorang dan perubahan nilai seseorang sebenarnya perubahan jati dirinya. Bagaimanakah kita mengaitkan peristiwa ini dengan bahasa?

Keperluan Sebuah Teori

Apa-apa sahaja yang kita lakukan mestilah dapat dipertahankan dari segi ilmiah. Dengan perkataan lain, kita mesti mempunyai sebuah atau beberapa teori. Melalui teori kita dapat membuat pemerhatian secara empirikal. Hal ini bermakna, setiap kesimpulan yang kita buat perlu didasarkan kepada data konkrit, iaitu yang dapat dilihat, didengar dan dirakamkan.

Dalam hal ini, lakuan bahasa memang dapat dirakamkan dan dianalisis. Namun begitu, kita memerlukan teori yang dapat menjelaskan fenomena ini. Secara khusus, kita mahu melihat hubung kait antara bahasa yang kita perhatikan dengan lakuan yang berasaskan nilai yang menjadi jati diri bangsa Melayu.

Untuk berbuat demikian, penulis memilih teori Himpunan Memori. Sebagai penjelasan, kita dapat melihat ada hubungan rapat antara bahasa sebagai wahana budaya sesebuah bangsa dengan lakuan orang yang mengamalkan kebudayaan tersebut. Teori Himpunan Memori ialah konsep pokok yang digunakan bagi menjelaskan cara bahasa dapat mengubah himpunan memori sesebuah bangsa dan apabila akhirnya himpunan memori itu berubah, maka jati diri bangsa tersebut akan berubah.

Selain teori Himpunan Memori, beberapa hipotesis lain juga akan digunakan untuk memperjelaskan peristiwa berlakunya perubahan jati diri. Hipotesis yang dimaksudkan ialah hipotesis Minda Terjajah dan Tertawan oleh Ibnu Khaldun dan Malek Bennabi; Bahasa Ekspresif oleh Sapir-Whorf; Muatan Rohaniah dan Emak Si Randang.

Bagi menjelaskan perkara di atas, penulis menggunakan data yang terkumpul melalui kajian para sarjana dan himpunan peristiwa daripada koleksi penulis yang dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap fenomena perubahan jati diri bangsa Melayu. Data yang digunakan dikumpulkan melalui pemerhatian selama 20 tahun. Ada juga peristiwa yang dirakamkan daripada kajian dan buku-buku lain. Semua peristiwa berfokus kepada orang dan keluarga Melayu dan menyatakan perubahan nilai dan jati diri.

Teori Himpunan Memori Bangsa dan Tafsirannya

Teori Himpunan Memori ini mula diperkenalkan oleh seorang sarjana sejarah dan falsafah Perancis yang mengajar di Jerman, iaitu Maurice Halbwachs (1877–1945). Daripada ulasan tentang bukunya (1925) *Les cadres sociaux de la mémoire* (Kerangka Sosial Memori) beliau mengutarakan konsep memori bangsa. Beliau menghuraikan bahawa memori bangsa terakam dalam satu himpunan memori individu anggota sesebuah masyarakat. Konsep ini diperluas

oleh Pierre melalui ulasan terhadap bukunya (1993) *Lieux de mémoire* (Bidang-Bidang Memori). Dalam laporan itu, konsep memori bangsa terbahagi kepada bidang-bidangnya dan pembahagian inilah yang kemudiannya dikembangkan oleh sarjana sejarah era 1970-an. Mereka menggunakan idea himpunan memori dalam pemikiran dan pentafsiran sejarah. Umumnya, segala peristiwa dan pergolakan sosial dan politik dalam masyarakat terakam dalam memori individu dan himpunan memori individu menjadi himpunan memori sesebuah bangsa.

Tafsiran lanjut terhadap teori Himpunan Memori ini perlu dilakukan. Himpunan memori ialah kesan silam yang wujud dalam jati diri semasa kita. Persoalannya, bagaimana kita mentafsirkan pengalaman yang begitu besar dan pelbagai menjadi sebuah kesatuan "himpunan memori" sesebuah bangsa?

Hipotesis himpunan memori bangsa ini dapat diterapkan kepada fenomena bahasa. Walaupun ada persoalan yang belum terjawab, namun hipotesis himpunan memori dapat digunakan dalam mentafsirkan kesan sejarah sosial yang berlaku dalam sesuatu kelompok masyarakat. Himpunan memori diwariskan daripada sebuah generasi kepada generasi yang berikutnya. Inilah peranan yang dipegang oleh bahasa. Bahasa ialah wahana yang membentuk dan merakam himpunan memori tersebut. Bahasa ialah alat yang menghubungkan memori sesebuah generasi dengan generasi yang berikutnya. Bahasa merakamkan memori dan kemudian memindahkan himpunan memori tersebut dalam bentuk maklumat.

Dalam himpunan memori bangsa terakam segala peristiwa, cerita, konsep, idea, norma, peraturan, nilai dan lain-lain sesebuah bangsa. Rakaman memori dilakukan melalui bahasa. Bahasa Melayu ialah wahana bagi merakam dan memindahkan himpunan memori Melayu kepada generasi yang berikutnya.

Bahasa memang dapat menjadi wahana yang memindahkan memori dari segi ruang, dari sebuah daerah ke sebuah daerah lain (orang Minangkabau membawa himpunan memori bangsanya ke Negeri Sembilan). Bahasa juga dapat memindahkan memori dari segi masa, dari satu zaman ke satu zaman lain. Secara khusus, bahasa memindahkan memori daripada satu generasi kepada generasi berikut, seperti yang dilakukan oleh nenek moyang kita apabila mereka menceritakan kehidupan pada zaman silam kepada cucu mereka (atau orang Yahudi menuliskan kembali memori silam mereka bagi membangunkan Israel).

Sekarang, bayangkanlah hal yang akan terjadi sekiranya bahasa Melayu tidak dituturkan lagi oleh orang Melayu. Wahana bagi merakamkan dan memindahkan memori bangsa Melayu sudah tidak ada lagi. Bagaimanakah memori bangsa Melayu akan dirakamkan dan dipindahkan kepada generasi yang akan datang?

Peristiwa yang sedang berlaku pada bahasa Melayu ini tidak begitu sukar untuk difahami. Peristiwa sebegini sudah lama berlaku di Singapura. Menurut Pakir

(1994), akibat perubahan dasar bahasa pengantar pendidikan di Singapura setelah negara tersebut menjadi Republik, ibu bapa bebas memilih tempat untuk menghantar anak mereka belajar. Dalam hal ini mereka telah memilih sekolah aliran Inggeris. Akibatnya, sekolah Cina 'luput' dan Universiti Nanyang ditutup. Sekolah Tamil juga luput. Sekolah yang terakhir luput ialah sekolah Melayu, iaitu Sekolah Tun Sri Lanang. Apakah akibatnya?

Akibat ini dapat didengar dalam ucapan Perdana Menteri Singapura, Dr. Goh Chok Tong pada 27 Julai 1997, yang menyatakan bahawa "... selepas melaksanakan pendidikan dalam bahasa Inggeris selama dua puluh lima tahun, maka jelaslah bahawa kita sudah melahirkan satu generasi pemuda Cina yang hanya jasadnya Cina, tetapi budayanya bukan lagi Cina" (Petikan daripada ucapan Dr. Goh Chok Tong, "Addressing the Nation" melalui Singapore Broadcasting Corporation, pada 27 Julai 1997 – terjemahan bebas pengarang).

Pendapat beliau itu sudah dibuktikan benar oleh Chang (1999), seorang pensyarah sosiologi di Jabatan Sosiologi, Universiti Nasional Singapura. Beliau membuat kajian terhadap nilai dalam kalangan generasi muda di Singapura, iaitu pelajar universiti. Dengan mengemukakan 200 soalan berkenaan kegemaran, idola, kebiasaan dan pilihan dalam hiburan, makanan dan lain-lain, maka beliau dapat meninjau sama ada nilai generasi muda berubah atau tidak. Perubahan memang sudah berlaku dan sebagai kesimpulan umumnya beliau mendapati sembilan daripada sepuluh pemuda Cina "menyesal" dilahirkan sebagai Cina, mereka kepingin dilahirkan sebagai kaukasia (orang berkulit putih). Lapan daripada sepuluh pemuda India dan satu daripada sepuluh pemuda Melayu juga bersikap demikian. (<http://127.0.0.1:4664/search?q=Chang+Han+Yin&flags=048576&s=PNqiKljSrAOHdisfQErMvhRqL5Q>).

Dalam ucapan yang sama, Dr. Goh Chok Tong mengatakan bahawa bukti generasi muda sudah berubah nilai adalah jelas. Mereka sangat mudah menyesuaikan diri dengan kehidupan di Barat. Mereka tidak menghadapi sebarang masalah apabila dihantar melanjutkan pelajaran ke United Kingdom atau Britain, Amerika Syarikat atau Australia. Mereka mudah meneruskan kehidupan di sana seumpama ikan dicampakkan ke air. Seterusnya apabila tamat pengajian, ada antara mereka yang tidak mahu pulang, dan sekiranya pulang pun, ada yang suka membawa pasangan dari Barat.

Walaupun dalam kalangan pelajar Melayu Singapura perubahan nilai itu rendah, tetapi gambaran itu bukan pada semua populasi Melayu. Memang jelas hasrat mereka untuk mempertahankan nilai Melayu tetap kuat. Namun begitu, pada tahun 2003, keadaan berubah juga. Takat perubahan tersebut tidak dapat diukur. Ada sebuah kajian lain yang dijalankan oleh Tajudin Jaafar (2003 – tesis sarjana sastera yang belum diterbitkan, diserahkan kepada Nanyang Institute of

Education, Singapura), iaitu pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Nanyang. Beliau membuat kajian tentang pergeseran bahasa, iaitu takat bertahannya bahasa Melayu dalam kalangan penduduk Melayu Singapura. Beliau mengkaji penggunaan bahasa Melayu dalam domain tertentu dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian beliau mendapati hanya orang Melayu yang berusia 50 tahun ke atas masih menggunakan bahasa Melayu, itu pun dalam hal keluarga dan agama di rumah dan dengan rakan sebaya. Orang muda, tidak lagi menggunakan bahasa Melayu, termasuk dalam hal agama.

Apabila perubahan begini berlaku, dapatkah kita mengatakan bahawa tidak berlaku perubahan pada jati diri kita apabila kita menggunakan sebuah bahasa lain sebagai bahasa untuk menyampaikan pendidikan? Orang Melayu daripada golongan menengah di Malaysia harus dapat menyedari hakikat ini.

Minda Terjajah dan Minda Tertawan

Sebenarnya fenomena yang kita hadapi ini bukanlah baru. Sejak 600 tahun dahulu, Ibnu Khaldun (1332–1406), sarjana sosiologi dan falsafah Islam pernah membuat pemerhatian tentang peristiwa ini. Beliau membuat catatan dalam *Muqaddimah*, Bab 2, Bahagian 22, bahawa bangsa yang pernah ditakluki oleh sebuah kuasa lain lazimnya terus menjadi kagum terhadap penakluknya. Oleh sebab itu mereka gemar meniru pakaian, simbol, kepercayaan, budaya dan amalan bangsa yang menakluki mereka. Mereka menyangka bangsa yang mengalahkan mereka ialah bangsa yang agung. Akibatnya mereka tidak percaya bahawa mereka mungkin dikalahkan oleh faktor-faktor yang biasa sahaja. Oleh sebab itu, kita tidak berasa hairan apabila ada dalam kalangan kita yang terus mengagumi kuasa Inggeris. Mereka terus terkesima dengan bahasa Inggeris. Mereka tidak dapat melihat kejayaan bahasa Melayu dalam memandaikan rakyat kerana minda mereka sudah terjajah oleh Inggeris. Bagi mereka, bahasa Inggeris dapat digunakan untuk menjayakan segala-galanya. Kejayaan bahasa Melayu melahirkan ribuan doktor, jurutera, ahli kimia, ahli farmasi dan lain-lain, dan mereka yang berjaya ini pula mampu mengikuti pengajian sarjana dan kedoktoran di Korea, Jepun, Rusia, Mesir atau Sweden, tidak membuktikan apa-apa kepada mereka. Mereka tetap terjajah dalam minda yang mengagungkan bahasa Inggeris.

Idea minda terjajah ini juga dipersepsi oleh seorang sarjana sosiologi Islam lain, iaitu Malek Bennabi (1905–1973). Beliau ialah sarjana Islam dari Algeria yang menerima pendidikan di Perancis. Beliau banyak membuat kajian dan pengamatan tentang fenomena bahasa dan bahasa pengantar pendidikan dan kesannya terhadap pemikiran seseorang. Dalam bukunya *Islam in History and Society* (1954), beliau membincangkan cara sejarah penjajahan menimbulkan

fenomena penjajahan minda. Ada kalanya ungkapan minda tertawan dan minda terjajah juga digunakan bagi mendeskripsi senario yang sama akibat penjajahan.

Malek Bennabi membuat pengamatan bahawa "fenomena kedwibahasaan mencipta kesan-kesan yang sangat bertentangan dengan kebudayaan kebangsaan kita masing-masing." Hal ini berlaku apabila kita menerima pendidikan dalam sebuah bahasa lain, lazimnya bahasa penjajah, minda kita terus kagum terhadap budaya bahasa yang kita gunakan untuk belajar tersebut. Akibatnya kita mungkin menjadi individu yang buta budaya sendiri, malah menghinanya, dan ada kalanya boleh mengkhianatinya. Hakikatnya, bahasa yang tidak digunakan dalam pendidikan, pengaruhnya akan menjadi sangat terhad. Bahasa yang tidak digunakan dalam pendidikan, lazimnya tidak dapat didaulatkan, malah bahasa tersebut dipandang remeh oleh penuturnya. Itulah sebabnya, dari segi lakuan bahasa, bahasa Melayu yang digunakan penuturnya ialah bahasa rendah dan terhad (Bernstein 1971). Lakuan sebeginilah yang membuktikan penggunaannya memandang bahasa Melayu rendah dan remeh.

Dalam perbincangannya tentang minda yang terjajah oleh fenomena dwibahasa yang diakibatkan oleh bahasa asing yang digunakan sebagai bahasa pendidikan, Malek Bennabi menggunakan sebuah kes pelajar Arab yang dihantar belajar undang-undang di Oxford University. Rupa-rupanya apabila kita belajar melalui bahasa asing, maka idea asing juga akan diimport bulat-bulat seperti yang dilakukan oleh Ali Abdul Razik, bekas penuntut al-Azhar yang kemudian melanjutkan pengajiannya di Oxford University (Malek Bennabi 1954).

Ali Abdul Razik (dalam Malek Bennabi 1954) menulis tentang "Islam dan Prinsip-Prinsip Pemerintahan" dan dalam karya tersebut beliau mengatakan Islam hanyalah suatu ajaran agama, spiritual dan moral, dan tidak ada kaitan dengan soal politik dan pemerintahan. Oleh sebab itu, beliau mengajukan supaya diimport sahaja sistem perundangan Inggeris. Oleh itu, hairankah kita bagaimana "The British Common Law" diimport ke negara kita dan digunakan? Hingga sekarang, lebih 50 tahun selepas merdeka, Jabatan Kehakiman kita masih terpaksa menggunakan bahasa Inggeris.

Hipotesis Sapir-Whorf dan Hipotesis Bahasa Ekspresif

Berapa ramaikah orang Melayu dalam kelas menengah dan elit yang tidak lagi menggunakan bahasa Melayu di rumah? Mereka menggunakan bahasa Inggeris, malah ada kecenderungan kelas menengah mengajar anak mereka supaya mula berbahasa Inggeris. Apakah implikasi lakuan ini terhadap jati diri orang Melayu? Hal ini mungkin dapat ditinjau daripada Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa bahasa yang digunakan menentukan cara kita melihat dan memahami realiti dunia. Oleh sebab itu, bangsa yang menukar bahasa komunikasinya juga

menukar persepsi berkenaan dirinya dan persekitarannya. Kita mungkin kurang menyedari akan hakikat ini.

Daripada bahasa yang dituturkan kita dapat mengenal pasti bahasa ekspresif seseorang. Apabila seseorang itu terperanjat, marah, mencarut dan memaki, apakah bahasa yang digunakannya? Apakah bahasanya dalam mimpi, doa, saat bersedih dan keadaan cemas?

Sekiranya dia menggunakan bahasa Inggeris, maka bahasa itu ialah bahasa ekspresifnya. Sekiranya bahasa Inggeris menjadi bahasa ekspresifnya, maka dunia realitinya juga akan berubah. Kita dapat melihat beberapa lakuan bahasa berikut bagi menunjukkan realiti dunia kita yang sudah berubah. Banyak ungkapan dalam contoh berikut dizahirkan dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Melayu, ungkapan sebegini tidak akan muncul.

Hari jadi Anak Bongsu

Emak: We are going to have a birthday party for you ...

Gadis: You will bake me a cake or what?

Emak: We will order one from the bakery ...

Gadis: How many lilin will I have?

Emak: Say properly, say candles, not lilin, You must learn good English.

Gadis: Never mindlah ...

Emak: What never mind, Mahathir says so ... we must speak Inggeris to be a developed nation, wawasan 2020 what ...

Bapa: Both of you serupalah.

Girl: Then what to do?

Emak: I will put ten candle (singular), because your are ten year (singular) old. You blow the candle (singular) and make a wish.

Gadis: Wish apa?

Emak: Think la, your hajat, what you want, and Angah will wear a fairy's dress with wings ... All these they do for you, you know.

Anak Sulung Mahu Berkahwin

Ayah: You are going to get married, I hope you have enough saving to pay for your wedding expenses!

Teruna: I tried to save, but I couldn't save enough, so I am expecting some contribution from you Bapak?

- Ayah: How can you get married if you don't have enough money.
- Teruna: I told you I just couldn't save. (Hubungan anak dan bapa ini buruk sejak akhir-akhir).
- Ayah: What contribution, you are getting married, you will have to bear the cost. Kawin nak, keluar duit tak mahu ... (Pertelingkahan meningkat ...)
- Teruna: What kind of father are you?
- Ayah: I have been responsible to you since small, gave you education, gave you care ...
- Teruna: What care ... you ... I hope you will burn in hell ...

Bapa Kahwin Lagi

- Anak lelaki: Why you keep that stupid man? (Anak membahaskan bapanya sebagai 'stupid man' kepada ibunya).
- Emak: Well we have been married for years, it is not that easy...
- Anak lelaki: You make sure you get all the properties, leave him with nothing. You just tell me, I will bash him when he comes home again. Any time!
- Emak: You should not be rude to your father. (Dalam Islam ini anak derhaka, bukan anak 'rude.' Anak derhaka tidak masuk syurga).

Apabila kita perhatikan dialog-dialog di atas, ternyata bahawa ungkapan itu ialah ungkapan yang biasa dalam bahasa Inggeris. Ungkapan berkenaan menyatakan dunia dan budaya Inggeris. Apabila orang Melayu juga menggunakan bahasa Inggeris, maka realiti dunianya juga berubah, menjadi dunia dan budaya Inggeris. Dengan perkataan lain, nilai dan jati dirinya sudah berubah.

Hipotesis Muatan Rohaniah

Dalam setiap bahasa ada muatan rohaniannya, iaitu nilai agama yang mendasari bahasa ini. Umpamanya, bahasa Arab, Turki, Parsi, Urdu dan Melayu, semuanya mengandungi muatan rohani Islam. Hal ini dapat dilihat daripada istilah agama yang digunakan dan ungkapan yang mengandungi unsur Islam. Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain di Eropah juga tentu sekali banyak mengandungi beban rohani agama Judeo-Kristian. Bahasa Hindi dan Tamil mengandungi muatan nilai agama Hindu. Bahasa Cina dan Thai mengandungi muatan nilai agama Buddha. Oleh sebab itu, apabila kita menerima dan menggunakan bahasa Inggeris, misalnya sebagai bahasa ekspresif kita, kita juga menyerap muatan nilai agama Kristiannya. Lihat contoh dialog berikut:

Peristiwa Melawat Rom

- Suami: We had a lot fun travelling through Europe before we return to Malaysia ...
- Isteri: Yes, great time, we all enjoyed, remember darling (kepada suami) ... we went to Rome, so romantic! Ah yes ...
- Suami: We went to the grand cathedral, we even went to see the Pope, the Pope blessed our children ...
- Isteri: Then, we went the fountain, and the wishing well ... So we all pun buat jugalah, we all threw coins into the well, surelah we made a wish, nak balik ke Rome lagi ... We have to make a wish in English, takkanlah nak cakap dalam BM.

Keluarga menengah Melayu ini, mengungkapkan hal yang biasa sahaja bagi seseorang Kristian. Bagi seorang Islam, perbuatan begini sudah bertentangan pada sisi agama. Muatan nilai agama Kristian itu tidak dirasakan salah.

Tahlil untuk Arwah Opah

- Ayah: Tonight we are doing the prayers for Opah's soul.
- Anak: What prayer dad?
- Ayah: When someone died, we can make doa for him to go to heaven. We do the tahlil.
- Anak: Will Opah be in heaven? (Semasa tahlil malam itu peristiwa seterusnya berlangsung).
- Haji: Apa nama emaknya.
- Ayah: Maryam binti Ismail.
- Haji: Tak begitu. Apa nama emak, nenek Encik?
- Ayah: Oh!, kenapa?
- Haji: Orang mati lebih baik dibintikan kepada ibunya, bukan bapanya.
- Ayah: Oh!!! Salasiah.

Oleh sebab terlalu fasih dan banyak berbahasa Inggeris, si ayah dan anak tidak lagi mengetahui istilah tahlil dan kelaziman dalam membuat doa tahlil. Perkataan *prayer* tidak sama dengan tahlil.

Perkahwinan Anak Sulung

- Gadis: I want a white wedding, I can wear a white dress with flowing gown, then I walk down the aisle to the bersanding ... apa tu

mum, bersanding dais? ... is there such a thing, I need a bouquet and two flower girls ...

Emak: Ok, no worry, we can have the aisle laid with carpet all the way from the pintu to the stage. That would do.

Gadis: What music to play, we cant have the "Ave Maria ..."can we? ...

Mother: No ... no ... but we can have the "Selawat nabi' by the Raihan ... it is beautiful you know ... I think I am going to cry ...

Konsep-konsep dalam upacara perkahwinan dalam bahasa pengantin ini diambil daripada budaya Inggeris-Kristian. Ibunya pun '*going to cry*' pada majlis perkahwinan seperti orang Inggeris. Ibu Melayu tidak menangis dalam majlis perkahwinan anaknya. Adakah penutur ini menyedari yang lakuannya ini sudah menunjukkan perubahan nilai dan perubahan jati diri?

Ada elit Melayu yang mengajukan "Malays should write obituary ... We should learn to practice this beautiful gesture. Write an obituary when somebody dies to show our appreciation ..." Alangkah baiknya sebagai seorang Islam kita menghadihkan al-Fatihah kepada roh rakan yang yang meninggal dunia, bukan menulis *obituary*.

Ada banyak contoh lain, tetapi beberapa yang diterangkan ini dapat menunjukkan perihal sudah berubahnya lakuan kita, dan lakuan itu berubah kerana bahasa yang kita gunakan. Yang jelas bahasa yang kita gunakan ada kaitannya dengan jati diri kita.

Hipotesis Mak Si Randang

Dalam budaya dan bahasa Melayu ada sebuah gurindam terkenal *Gurindam Mak Si Randang*. Bunyinya begini:

*Baik budi Mak Si Randang,
Dagang lalu ditanakkan,
suami pulang kelaparan.
Kera di hutan disusui,
anak di pangkuan diletakkan.
....
....
Yang dikejar tidak dapat,
yang dikendong berciciran.*

Gurindam *Mak Si Randang* ini menceritakan tentang seorang ibu yang melakukan semua yang betul untuk orang dan yang tidak betul untuk diri sendiri.

Hal ini samalah dengan Dasar Bahasa Pendidikan kita yang meletakkan keutamaan untuk menyampaikan pendidikan dalam bahasa Inggeris:

*Supaya kita dapat menarik pelajar dari luar negara,
 biar anak sendiri bodoh belajar.
 Supaya modal insan yang kita bina bekerja di luar negara,
 biar Malaysia kekurangan pekerja.
 Supaya bahasa Inggeris digunakan,
 biarlah bahasa Melayu dikebelakangkan.*

Akibatnya ...

*....
*

*Bahasa Inggeris yang dikejar tidak dapat,
 Sains dan Matematik yang dikendong berciciran.*

Mengapa kita berkata begitu? Lihatlah keputusan sebuah kajian yang dilakukan selama dua tahun (2007–2008) oleh sekumpulan penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (Isahak Haron, Abdul Latip Ghapor, Md. Nasir Masran, Abdul Halim Ibrahim dan Mariam Md. Noor 2008). Mereka membuat penyelidikan terhadap persepsi dan prestasi murid dalam mata pelajaran Sains dan Matematik di sekolah rendah selepas dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PSMI) dilaksanakan. Murid sekolah rendah yang diselidiki ialah seramai 1,564 orang: Melayu = 1,077 orang (69.5 peratus), Cina = 240 orang (15.5 peratus), India = 120 orang (7.7 peratus), Orang Asli = 108 orang (7 peratus) dan bangsa-bangsa lain = 4 orang (0.3 peratus).

Dapatan penyelidikan mereka dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Lebih 85 peratus pelajar mengatakan bahawa guru mereka mengajar Matematik dan Sains dengan menggunakan campuran bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Hal ini dilakukan kerana guru ingin membantu muridnya yang kebanyakannya lemah dalam bahasa Inggeris memahami perkara yang diajarkan.
2. Dapatan Ujian Sains sampel murid Tahun 5, pada Januari 2008, menunjukkan min skor Sains keseluruhan sampel hanya 4.28 daripada maksimum 14.00. Hal ini menunjukkan bahasa prestasi am Sains murid daripada semua keturunan Tahun 5 amat rendah.
3. Min skor Sains murid Melayu adalah lebih rendah (4.11) daripada min skor murid Cina (7.22) dan India (4.64).

4. Seramai 83 peratus murid Tahun 5 daripada semua keturunan (sampel tinjauan Januari 2008) mendapati 'sukar atau kadang-kadang sukar' mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris. Hanya 17 peratus yang menyatakan 'senang' mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris.
5. Min skor Ujian Matematik keseluruhan sampel Januari 2008 adalah 7.89 daripada skor maksimum 20.0, menunjukkan prestasi am Matematik murid-murid Tahun 5 ini adalah rendah.
6. Min skor murid Melayu (7.66) adalah lebih rendah daripada min skor murid Cina (13.03) dan India (8.21).
7. Tinggi peratus (lebih 75 peratus) murid Tahun 5 daripada semua keturunan (dalam sampel Februari 2007 dan Januari 2008) yang mendapati 'sukar atau kadang-kadang sukar' mempelajari Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Mereka kurang memahami pengajaran guru Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris. Lebih tinggi peratus yang sukar mempelajari Sains dalam bahasa Inggeris berbanding Matematik.
8. Lebih tinggi (purata lebih 80 peratus) murid Melayu yang 'sukar' mempelajari Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, berbanding murid Cina dan India.
9. Lebih 75 peratus murid Melayu Tahun 5 menyatakan 'kerap dan kadang-kadang' merujuk buku Sains dan Matematik dalam bahasa Melayu, jika mereka tidak memahami penerangan dalam bahasa Inggeris. Kira-kira 35 peratus menyatakan bahawa mereka memiliki sendiri buku rujukan Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu, sebagai buku bacaan dan rujukan tambahan.
10. Purata lebih 70 peratus murid berlainan keturunan (dalam sampel tahun 2007 dan 2008) rata-rata tidak dapat menjawab ujian Matematik dan Sains Tahun 4 (yang diuji semula dalam Tahun 5). Prestasi pelajar Melayu adalah lebih rendah daripada pelajar Cina dan India.
11. Prestasi murid Orang Asli lebih teruk. Hampir semua mereka dalam sampel tidak dapat menjawab item-item soalan Ujian Sains; dan kurang 10 peratus dapat menjawab ujian Matematik. Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak bermakna kepada mereka.

12. Min skor bahasa Inggeris keseluruhan sampel Januari 2008 hanya 11.97, (daripada skor maksimum 31.0) menunjukkan prestasi am bahasa Inggeris murid Tahun 5 daripada semua keturunan amat rendah.
13. Kelemahan ini lebih nyata dalam kalangan murid Melayu. Min skor murid Melayu 11.87 adalah lebih rendah daripada min skor murid Cina 21.77 dan India 16.14.
14. Rata-rata masih tinggi peratus (70 peratus) murid Tahun 5 dalam sampel 2007 dan 2008, dan lebih tinggi (hampir 75 peratus) murid Melayu, yang tidak dapat menjawab item-item ujian bahasa Inggeris. Penguasaan bahasa Inggeris mereka masih rendah walaupun mereka terdedah dengan dasar PSMI ini sejak tahun 2003.

Kesimpulannya yang ketara adalah, ramai murid Melayu (87.7 peratus) yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dan oleh sebab itu tidak dapat mempelajari Sains dan Matematik yang disampaikan dalam bahasa Inggeris. Sekarang, keadaan kita adalah seperti *Mak Si Randang*. Kita mahu anak-anak kita "mengejar" bahasa Inggeris, tetapi tidak dapat. Hal yang lebih buruk, Sains dan Matematik yang dikendong, berciciran. Ini ialah sebuah dasar yang salah dan perlulah ditamatkan.

KESIMPULAN

Melalui definisi dan teori yang dipaparkan di atas kita dapat melihat ada perubahan pada lakuan kita apabila ada perubahan pada bahasa yang kita gunakan. Hal ini demikian kerana bahasa ialah alat dan wahana pembentuk dan pemindah memori bangsa. Memori bangsa pula ialah himpunan nilai sesuatu bangsa. Apabila kita mengubah bahasa pendidikan kita, maka kita akan menggalakkan penjajahan minda. Minda yang terjajah akan terus kagum dan terkesima dengan budaya bahasa penjajahnya. Akhirnya dia juga akan mengubah lakuannya dan nilai jati dirinya. Mereka yang mengubah bahasa ekspresifnya juga akan mengubah nilai dan muatan rohaniah pada dirinya. Hal ini menyebabkan jati dirinya berubah. Mungkin perubahan tidak berlaku pada rupa paras, tetapi tentu sekali pada minda dan nilainya. Perubahan itu sedemikian besar sehingga kita hilang jati diri. Mungkin pada jasadnya kita masih Melayu, tetapi dari segi budaya dan rohaninya kita mungkin sudah bukan Melayu lagi.

Walau bagaimanapun, mengapa sebahagian besar orang Jepun, Korea dan Cina contohnya masih kekal seperti sedia kala? Hal ini berlaku kerana bahasanya.

Apabila mereka menerima pendidikan dalam bahasa sendiri, mereka bebas daripada unsur penjajahan minda. Mereka dapat menempah kemodenan melalui bahasa sendiri dan mengekalkan jati diri asli.

Bahagian Baik Budi Mak Si Randang ini ada kaitannya dengan hipotesis-hipotesis di atas. Minda yang terjajah dan terkesima dengan bahasa Inggeris, menimbulkan situasi yang dikatakan oleh Malek Bennabi. Kita mahu menggunakan bahasa Inggeris bagi menyampaikan pendidikan. Ternyata ini ialah dasar yang salah dan perlu dibetulkan. Sesat di hujung jalan, balikkah ke pangkal jalan.

Perubahan pada dasar bahasa komunikasi rasmi dan bahasa pengantar pendidikan dilakukan oleh pihak pentadbiran. Tidak ada justifikasi jelas tentang kepentingannya dari segi keperluan globalisasi. Hal ini bermakna, untuk tujuan globalisasi, penguasaan bahasa asing, termasuk bahasa Inggeris dapat diajarkan sebagai mata pelajaran berasingan dengan tidak mengorbankan keberkesanan pembelajaran Sains dan Matematik.

NOTA

1. Penulis sengaja menggunakan istilah bangsa Melayu sebagai alternatif kepada orang Melayu. Dua istilah ini berlainan tetapi dalam pengertian umum rujukannya masih sama.

RUJUKAN

- Alisjahbana, S. T. 1974. *Values as Integrating Forces in Personality, Society and Culture*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. 2006. *Bahasa Melayu di Samudera: Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (Ed.). 2005a. *Malay Images*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Asmah Haji Omar and Morris, P. (Eds.). 2005b. *Religion and Identity*. Tanjung Malim, Perak: Institut Peradaban Melayu, UPSI.
- Barnard, T. P. (Ed.). 2004. *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapore: Singapore University Press.
- Barnard, T. P. dan Maier, M. J. 2004. Melayu, Malay, Maleis: Journeys through the Identity of a Collection. Dalam Barnard, T. P. (Ed.). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapura: Singapore University Press.
- Bennabi, M. 1954. *The Problem of Ideas in The Muslim World*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Bernstein, B. 1971. *Towards a Sociology of Education*. London: Language and Education.

- Bunce, P. 1993. *Cocos Islands – Australian Atolls in the Indian Ocean*. Milton, Queensland: Jacaranda Press.
- Chang, J. H-Y. 1999. The cultural values of Singapore's youths and their parents: An empirical test of Inglehart's validity claims derived from the world value surveys. <http://127.0.0.1:4664/search?q=Chang+Han+Yin&flags=1048576&s=PNqiKljSrA OHdisfQErMvhRqL5Q>
- Halbwachs, M. 1925. *Les Cadres Sociaux de la Mémoire* [Kerangka Sosial Memori]. Paris: Presses Universitaires.
- Hobsbawm, E. J. 1992. *Nations and Nationalism Since 1780: Programme, Myth, Reality*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Isahak Haron, Abdul Latip Gapor, Md. Nasir Masran, Abdul Halim Ibrahim dan Mariam Md. Noor. 2008. Kesan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah. Dalam *Konvensyen Pendidikan Nasional 2008*, UPSI, 3–4 Jun.
- Pakir, A. 1994. The role of language planning in education in Singapore. Dalam Abdullah Hassan. 1991. *Language Planning in Southeast Asia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pierre, N. 1993. *Lieux de Mémoire* (Bidang-Bidang Memori), Laporan Projek 7 Jilid, diiktiraf oleh Akademi Ilmu.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2004. A history of an identity, an identity of a history: The idea and practice of 'malayness' in Malaysia reconsidered. Dalam Barnard, T. P. (Ed.). *Contesting Malayness: Malay Identity Across Boundaries*. Singapura: Singapore University Press.
- Tajudin Jaffar. *Language Planning in Singapore: Maintenance and Shift of Malay Language Since 1965*. Tesis sarjana sastera yang tidak diterbitkan, Singapura, Nanyang Institute of Education.
- Tong, G. C. 1997. Ucapan beliau dalam "Addressing the Nation" pada 27 Julai 1997, Singapore Broadcasting Corporation.